

Bercinta dengan bekas pensyarah

Keluarga tidak merestui perhubungan berikutan perbezaan faktor umur



Ibu takut bermenantikan lelaki gay

? Saya siswa wanita di sebuah institusi pengajian tinggi swasta (IPTS). Saya pernah bercinta dengan seorang lelaki homoseksual iaitu A.

Hubungan kami ditentang kuat keluarga kerana mereka takut A sukar untuk berubah minatnya kepada lelaki. Kerana cinta, A berjanji untuk berubah dan ingin menyunting saya sebagai isteri.

Ibu tetap tidak merestui perhubungan kami dengan alasan lelaki gay tidak akan berubah keinginan seksualnya.

Hati saya remuk rendam apabila ini berlaku. Saya menjadi murung dan cepat sensitif. Dugaan cinta akhirnya menyebabkan A mengambil keputusan untuk memutuskan perhubungan kami.

Kini, saya terasa hidup tidak bererti lagi. A lari membawa diri ke luar negeri, tapi masih menghubungi saya. Apa yang perlu saya lakukan sekarang ini.

GADIS DALAM DILEMA PULAU PINANG

! Keluarga seolah-olah sudah menjatuhkan hukuman apabila mengatakan seorang gay sukar untuk berubah. Ini akan menyukarkan proses perubahan A.

Cinta itu adalah madu. Ada manis dan pahitnya. Dan apabila cinta itu hilang, seri hidup juga akan hilang. Kata cinta ialah hal yang menyedihkan dalam hidup adalah ketika bertemu seseorang yang sangat bererti

dan mendapati akhirnya bahawa tidak demikian adanya dan harus melepaskannya pergi.

Dr gembira A mempunyai keinginan untuk berubah. Ia sesuatu yang positif. Marilah kita doakan A berjaya dengan perjuangan dan janjinya untuk tidak lagi menjadi seorang gay.

Dr memahami kesedihan dan dilema adik. Sebagai anak yang baik, sukar untuk adik mengikut kata hati dan cinta. Adik tersepit antara dua kesayangan. Dalam keadaan ini, adik terpaksa memberi keutamaan kepada kehendak keluarga.

Apa yang adik boleh lakukan ialah bersifat realistik dengan apa pun tindakan yang diambil. Bersedialah untuk menghadapi segala kemungkinan termasuk kehilangan A. Namun, ini tidak bermakna adik kehilangan cinta A.

Kesucian cinta ialah jika kita mencintai seseorang, kita akan sentiasa mendoakannya walaupun dia tidak berada di sisinya.

Adik masih berpeluang memiliki A jika cukup kuat untuk mendapatkan apa saja untuk mendapatnya.

Adik juga sanggup berhadapan dengan apa saja kemungkinan iaitu menerima tentangan hebat dari keluarga sepanjang perkahwinan dan mungkin suami tidak dapat mengubah orientasi seksualnya.

Segala jawapan adalah di tangan adik. Dr harap apa saja keputusan yang diambil ialah untuk kebaikan diri dan masa hadapan adik sendiri.

mereka menerima saya dengan baik. Saya tidak mahu kehilangannya.

Dalam konteks hubungan adik dengan bekas pensyarah, kata-kata yang mengatakan "umur hanyalah angka dan tidak memberi sebarang makna" ternyata tidak benar dalam hubungan cinta adik.

Keluarga tidak menyetujui perhubungan atas alasan faktor umur. Kebimbangan mereka juga atas dasar kasih dan sayang mereka terhadap adik.

Keluarga juga mungkin tidak mahu menongkah arus dengan masyarakat yang lazimnya mahukan lelaki yang lebih tua dari wanita dalam rumah tangga.

Memaksa keluarga menerima kekasih adik samalah seperti adik dipaksa untuk memutuskan hubungan cinta dengan bekas pensyarah keluarga.

Jika adik berusaha memahami konflik ini dan melihat masalah dari sudut pandangan keluarga, keadaan akan menjadi lebih mudah. Keadaan yang sama juga perlu dilakukan keluarga adik.

! Usia kekasih yang lebih berusia nampaknya seperti racun yang berbisa dalam mendapat restu keluarga. Sikap keluarga ini tidak jauh berbeza dengan penerimaan umum masyarakat dan budaya yang kurang menerima perhubungan wanita lebih tua daripada lelaki.

Hubungan cinta adik dengan kekasih ternyata tidak menggembirakan keluarga adik terutama atas faktor umur.

Adik juga ingin membalas budi keluarga dalam keadaan tersempit antara cinta dengan kekasih dengan kasih sayang kepada keluarga.

Dr menghargai niat baik adik untuk membalas budi dan berbakti kepada keluarga, semoga niat suci adik dimakbulkan.

JEJAKA KELIRU KUALA LUMPUR

KAUNSELING REMAJA

**Prof Madya Datin
Dr Sapora Sipon**
rencana@hmetro.com.my

? Saya bercinta dengan bekas pensyarah yang lebih tua daripada saya. Dia seorang yang berhati mulia dan bertanggungjawab. Dia pernah meminta saya mencari wanita yang sepadan dengan saya atas faktor umur.

Persekitaran sekeliling yang tidak bersetuju dengan perhubungan kami turut memberi tekanan kepadanya.

Tapi saya menyintainya dan pernah menyuarakan niat menyunting dia menjadi isteri. Saya beritahu pada ibu dan ayah dan seperti dijangka, mereka tidak bersetuju kerana berasakan dia tidak sesuai untuk menjadi isteri saya kerana perbezaan faktor umur.

Saya ingin membalas budi keluarga. Saya pernah berjumpa keluarganya dan